

## **KAJIAN MENGENAI PREVALENS, TAHAP PENGETAHUAN, SIKAP DAN AMALAN PENYAKIT HIPERTENSI SERTA FAKTOR YANG MEMPENGARUHINYA DI KALANGAN PENDUDUK KAMPUNG BATU 5, SEMENYIH, SELANGOR.**

Rizal A.M.\*

### **ABSTRAK**

*Satu kajian irisan lintang bagi mengkaji prevalens, tahap pengetahuan, sikap dan amalan mengenai penyakit hipertensi serta faktor yang mempengaruhinya di kalangan penduduk Kampung Batu 5 yang berusia 18 tahun dan ke atas telah dijalankan dari 2 hingga 30 Mei, 2001. Seramai 144 orang telah dipilih sebagai sampel dan data kajian diperolehi dengan menggunakan borang soal selidik, sfigmomanometer dan stetoskop. Hasil kajian menunjukkan kadar respon adalah 93.8% (135 orang) dan prevalens hipertensi di kalangan penduduk Kampung Batu 5 adalah 35.6% (48 orang). Min skor bagi tahap pengetahuan mengenai hipertensi adalah 63.4 dan hasil kajian mendapati 60% responden memperoleh skor tahap pengetahuan tinggi (> 63.4 markah). Seramai 108 orang (80%) responden mempunyai sikap yang baik terhadap hipertensi tetapi bagi amalan mengenai hipertensi, hanya 25.2% mengamalkan amalan yang baik. Daripada faktor-faktor yang dikaji, didapati tahap pengetahuan mengenai hipertensi mempunyai hubungan yang signifikan dengan status pekerjaan ( $p=0.029$ ) dan sumber maklumat ( $p=0.036$ ). Manakala sikap yang baik berkaitan hipertensi mempunyai hubungan bererti dengan sumber maklumat ( $p=0.020$ ) dan amalan mengurangkan makanan berlemak ( $p=0.030$ ). Bagi amalan yang baik berkaitan hipertensi, ia mempunyai hubungan yang signifikan dengan jantina ( $p=0.004$ ) dan sikap ingin bersenam ( $p=0.002$ ). Memandangkan hasil kajian ini mendapati status pekerjaan mempunyai hubungan dengan pengetahuan tentang hipertensi, maka disarankan pendidikan dan promosi kesihatan dijalankan dengan lebih kerap di tempat kerja.*

**Kata kunci:** Prevalens, pengetahuan, sikap, amalan dan hipertensi.

### **ABSTRACT**

*A cross-sectional study of prevalence, knowledge, attitude and practice on hypertension and factors associated with it among villagers in Kampung Batu 5 aged 18 years and above was carried out from 2<sup>nd</sup> to 30<sup>th</sup> May, 2001. 144 villagers were chosen as the samples and data was obtained using questionnaires, sphygmomanometer and stethoscope. Results showed that response rate was 93.8% (135 people) and the prevalence of hypertension among Kampung Batu 5 villagers was 35.6% (48 people). Mean score for knowledge on hypertension was 63.4 and results showed that 60% had high score for knowledge (> 63.4 marks). 108 respondents (80%) had positive attitude on hypertension but for good practice on hypertension, only 25.2% did. Among the associated factors that had been identified, it was found that knowledge on hypertension had significant correlation on working status ( $p=0.029$ ) and source of information ( $p=0.036$ ). While positive attitude had positive correlation on source of information ( $p=0.020$ ) and low dietary fat intake ( $p=0.030$ ). Good practice had significant correlation on gender ( $p=0.004$ ) and intention to exercise ( $p=0.002$ ). Since it was found that the occupational status is related to the knowledge of hypertension, it is suggested that health education and promotion be carried out at working place.*

**Key words:** Prevalence, knowledge, attitude, practice and hypertension.

### **PENGENALAN**

Hipertensi didefinisikan sebagai peningkatan tekanan darah yang berterusan di mana bacaan sistolik tekanan darah melebihi atau sama dengan 140 mm Hg dan/atau bacaan diastolik melebihi atau sama dengan 90 mm Hg. Satu jawatankuasa yang terdiri daripada beberapa pakar daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mendapati bahawa 8 hingga 18% daripada populasi dewasa di kebanyakan negara mengidap hipertensi (Osman 1984). Bagi kebanyakan negara Asia, faktor risiko

yang dikenalpasti adalah sosial kelas atas, diet tinggi garam, kurang bersenam, merokok dan penyakit diabetes (Singh 2000). Di Malaysia, prevalens hipertensi di kalangan orang dewasa adalah di antara 15 hingga 25% yang dikesan semasa pemeriksaan saringan (Malaysia Hypertension Consensus Guidelines 1998). Hasil Kajian Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan Ke II pada tahun 1996, mendapati 24% daripada populasi Malaysia yang berumur 30 tahun ke atas mengidap penyakit hipertensi (National Health & Morbidity Survey II 1996).

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi peningkatan tekanan darah dan faktor risiko yang berkaitan dengan hipertensi

termasuklah merokok, obesiti, kehidupan yang sedentari dan pengambilan lemak serta garam yang berlebihan. Dalam kajian oleh Aubert (1998) mendapati kadar prevalens hipertensi adalah tinggi di kalangan lelaki, umur yang meningkat, obesiti dan memiliki serum kolesterol yang tinggi. Bagi kaum Melayu, didapati bilangan mereka yang mengalami hipertensi meningkat dengan umur dan lebih cenderung untuk mendapat komplikasi (Lim 2000). Pola yang sama dapat dilihat pada kaum Cina di mana prevalens hipertensi adalah 48.1% dan meningkat dengan faktor umur (Teo 1996).

Dari segi pengetahuan, didapati kaum wanita adalah lebih prihatin terhadap penyakit hipertensi berbanding kaum lelaki (Aubert 1998). Kebanyakan responden mengetahui bahawa obesiti, garam, senaman dan rokok berkait rapat dengan hipertensi.

Amalan yang positif merangkumi perubahan-perubahan dalam gaya hidup. Menurut *Joint National Committee on Detection, Evaluation and Treatment of High Blood Pressure* (1993), mencadangkan pengamalan diet kurang garam di mana kandungan natrium kurang dari 100 mmol sehari bagi mengawal tekanan darah. Kajian juga menunjukkan semakin tinggi pengurangan pengambilan garam, semakin tinggi penurunan dalam tekanan darah. Makanan rendah kalori dan mempunyai tahap serat yang tinggi boleh membantu dalam usaha mengurangkan tekanan darah (Anderson 1986).

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui prevalens penyakit hipertensi di kalangan penduduk Kampung Batu 5, Semenyih, Selangor dan seterusnya mengkaji tahap pengetahuan, sikap, amalan serta faktor-faktor yang mempengaruhinya.

## **METODOLOGI**

### **Latarbelakang kajian**

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah irisan lintang ke atas penduduk Kampung Batu 5 yang berumur 18 tahun dan ke atas yang bermula dari 2 hingga 30 Mei, 2001. Kampung Batu 5 terletak di dalam Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat, kira-kira lapan kilometer dari Pekan Semenyih. Kampung ini merangkumi kawasan seluas 150 ekar dengan bilangan penduduk seramai 375 orang. Terdapat seramai 181 orang lelaki (48.3%) dan 194 orang perempuan (51.7%) daripada 77 buah keluarga. Bilangan penduduk yang berumur 18 tahun dan ke atas adalah seramai 144 orang (38.4%). Dari segi etnik, kaum Melayu adalah yang utama iaitu sebanyak 97.6%.

### **Kaedah persampelan**

Persampelan universal digunakan dengan mengambil ke semua penduduk Kampung Batu 5

yang berumur 18 dan ke atas iaitu seramai 144 orang.

### **Pengguguran unit sampel**

Seciranya dalam lawatan tersebut, unit sampel tidak ditemui atau enggan bekerjasama, maka sampel akan digugurkan.

### **Pengumpulan Data**

#### ***Soal Selidik Berpandu***

Temubual dijalankan secara langsung dengan menggunakan borang soal selidik. Penemubual akan mengemukakan soalan dalam borang soal selidik dan menandakan jawapan yang diberikan.

#### ***Pengukuran Tekanan Darah***

Tekanan darah diukur menggunakan sfigmomanometer pada pertengahan lengan kiri dan bacaan diambil sebanyak dua kali dengan rehat selama lima minit di antaranya. Bacaan tekanan sistolik diambil pada bunyi arterial pertama dan bacaan tekanan diastolik adalah pada hilangnya bunyi korotkof 5.

#### ***Sumber Maklumat***

Sumber maklumat yang dinilai adalah rancangan televisyen, ceramah kesihatan, radio, akhbar, internet, buku serta majalah. Bagi setiap sumber, kekerapan mendapatkan maklumat diukur dan diberi skor 5 (lebih dari dua kali seminggu) sehingga skor 1 (tidak pernah mendapat maklumat dari sumber tersebut). Sumber maklumat yang tinggi adalah apabila jumlah semua skor yang diperolehi sama atau melebihi 15.

#### ***Tahap Pengetahuan***

Tahap pengetahuan mengenai hipertensi ialah tahap pengetahuan yang dinilai daripada skor yang diperolehi hasil dari soalan mengenai hipertensi seperti definisi, penyebab, tanda-tanda, komplikasi serta kaedah rawatan secara umum. Ia dibahagikan kepada dua, tahap tinggi sekiranya skor diperolehi melebihi nilai min skor keseluruhan. Manakala tahap pengetahuan rendah adalah kurang atau sama dengan nilai min.

#### ***Sikap***

Empat sikap yang berkaitan dengan hipertensi dinilai iaitu pengambilan lemak, pengambilan garam, senaman dan tekanan. Sikap baik adalah apabila terdapat sekurang-kurangnya tiga jawapan yang positif berkaitan sikap dalam borang soal selidik. Sikap tidak baik adalah apabila terdapat lebih dari satu jawapan yang negatif.

**Amalan**

Empat amalan yang berkaitan dengan hipertensi dinilai, iaitu pengambilan lemak, garam, senaman dan amalan merokok. Amalan yang baik adalah apabila terdapat sekurang-kurangnya tiga jawapan yang positif. Manakala amalan yang tidak baik adalah apabila terdapat lebih dari satu jawapan yang negatif.

**Analisa Data**

Data-data kajian ini adalah terdiri dari data kualitatif dan pengujian statistik menggunakan ujian khi kuasa-dua ( $\chi^2$ ). Analisa dijalankan secara berkomputer menggunakan program perisian Epi Info Versi 6.04b.

**HASIL KAJIAN**

**Taburan Responden**

Seramai 135 orang (93.7%) dari 144 orang penduduk Kampung Batu 5 yang berumur 18 tahun dan ke atas telah menyertai kajian irisan lintang ini. 59 orang (43.7%) terdiri dari kaum lelaki. Menurut umur, 62 orang (49.5%) tergolong dalam kumpulan umur 18 – 41 tahun, 57 orang (42.2%) berumur 42 – 65 tahun dan 16 orang (11.9%) berumur 66 tahun ke atas. Responden yang masih bekerja adalah seramai 73 orang (54.1%) dan mereka yang berpendidikan tinggi (didefinisikan sebagai mereka yang mendapat pendidikan formal dari Tingkatan Empat dan ke atas) adalah seramai 62 orang (45.9%).

**Prevalens Hipertensi**

Daripada 135 orang responden yang dikaji, didapati seramai 48 orang (35.6%) mengalami masalah hipertensi. Prevalens penduduk yang mempunyai tekanan darah normal had atas pula adalah seramai 18 orang (13.8%) dan bakinya 69 orang (51.1%) mempunyai tekanan darah normal.

**Tahap Pengetahuan**

Berdasarkan soal selidik yang telah dijalankan, didapati hanya taraf pekerjaan dan sumber maklumat yang mempunyai hubungan yang signifikan ( $p < 0.05$ ) dengan tahap pengetahuan mengenai hipertensi (Jadual 1).

**Sikap**

Faktor sumber maklumat dan amalan mengurangkan makanan berlemak didapati mempunyai hubungan yang bererti dengan sikap yang baik berkaitan dengan hipertensi di kalangan responden (Jadual 2).

**Amalan**

Manakala jantina dan sikap ingin bersenam adalah dua faktor yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap amalan yang baik berkaitan dengan hipertensi (Jadual 3).

**Jadual 1: Hubungan antara tahap pengetahuan dengan umur, jantina, pekerjaan, taraf pendidikan, sumber maklumat dan amalan merokok.**

	Bilangan (n=135)	Tahap Pengetahuan		$\chi^2$	Nilai p
		Tinggi	Rendah		
Umur (tahun)					
18 – 41	62	41 (66.1%)	21 (33.9%)	2.836	0.242
42 – 65	57	33 (57.9%)	24 (42.1%)		
66 – 89	16	7 (43.8%)	9 (56.2%)		
Jantina				.626	0.202
Lelaki	59	39 (66.1%)	20 (33.9%)		
Perempuan	76	42 (55.3%)	34 (44.7%)		
Pekerjaan				5.000	0.029*
Bekerja	73	50 (68.5%)	23 (33.9%)		
Tidak Bekerja	62	31 (50.0%)	31 (50.0%)		
Taraf Pendidikan				1.795	0.180
Tinggi	62	41 (66.1%)	21 (33.9%)		
Rendah	73	40 (54.8%)	33 (45.2%)		
Sumber Maklumat				4.384	0.036*
Tinggi	52	37 (71.2%)	15 (28.8%)		
Rendah	83	44 (53.0%)	39 (47.0%)		
Amalan Merokok				0.246	0.620
Ya	32	18 (56.3%)	14 (43.7%)		
Tidak	103	63 (61.2%)	40 (38.8%)		

Signifikan pada  $p < 0.05$

$\chi^2$  = Ujian Khi kuasa-dua

**Jadual 2: Hubungan antara sikap dengan umur, jantina, taraf pendidikan, sumber maklumat, tahap pengetahuan dan amalan menghadkan lemak**

	Bilangan (n=135)	Sikap		$\chi^2$	Nilai p
		Baik	Kurang		
<b>Umur (tahun)</b>					
18 – 41	62	51 (82.3%)	11 (17.7%)	0.487	0.780
42 – 65	57	45 (78.9%)	12 (21.1%)		
66 – 89	16	12 (75.0%)	4 (25.0%)		
<b>Jantina</b>					
Lelaki	59	45 (76.3%)	14 (23.7%)	0.911	
Perempuan	76	63 (82.9%)	13 (17.1%)		
<b>Taraf Pendidikan</b>					
Tinggi	62	54 (87.1%)	8 (12.9%)	3.609	0.060
Rendah	73	54 (73.9%)	19 (26.1%)		
<b>Sumber Maklumat</b>					
Tinggi	52	47 (90.4%)	5 (9.6%)	5.700	0.020*
Rendah	83	61 (73.5%)	22 (6.5%)		
<b>Tahap Pengetahuan</b>					
Tinggi	81	69 (85.2%)	12 (14.8%)	3.400	
Rendah	54	39 (72.2%)	15 (27.8%)		
<b>Amalan Had Lemak</b>					
Ya	75	65 (86.7%)	10 (13.3%)	4.690	0.030*
Tidak	60	43 (71.7%)	17 (28.3%)		

\* Signifikan pada  $p < 0.05$        $\chi^2$  = Ujian Khi kuasa-dua

**Jadual 3: Hubungan antara amalan dengan umur, jantina, taraf pendidikan, sumber maklumat, tahap pengetahuan dan sikap ingin bersenam**

	Bilangan (n=135)	Amalan		$\chi^2$	Nilai p
		Baik	Kurang		
<b>Umur (tahun)</b>					
18 – 41	62	14 (22.6%)	48 (70.4%)	0.574	
42 – 65	57	15 (26.3%)	42 (73.7%)		
66 – 89	16	5 (31.3%)	11 (69.7%)		
<b>Jantina</b>					
Lelaki	59	22 (37.3%)	37 (62.7%)	8.147	0.004*
Perempuan	76	12 (15.8%)	64 (84.2%)		
<b>Taraf Pendidikan</b>					
Tinggi	62	15 (24.2%)	47 (75.8%)	0.060	0.807
Rendah	73	19 (35.2%)	54 (64.8%)		
<b>Sumber Maklumat</b>					
Tinggi	52	11 (21.2%)	41 (78.8%)	0.729	0.393
Rendah	83	23 (27.7%)	60 (72.3%)		
<b>Tahap Pengetahuan</b>					
Tinggi	81	20 (24.7%)	61 (75.3%)	0.026	0.871
Rendah	54	14 (25.9%)	40 (74.1%)		
<b>Sikap Ingin Bersenam</b>					
Ya	111	34 (30.6%)	77 (69.4%)	9.826	0.002*
Tidak	24	0 (0.0%)	24 (100%)		

\* Signifikan pada  $p < 0.05$        $\chi^2$  = Ujian Khi kuasa-dua

## PERBINCANGAN

Kajian yang dijalankan di Kampung Batu 5, menunjukkan bahawa sebanyak 35.6% penduduk yang berumur 18 tahun dan ke atas mempunyai masalah hipertensi. Ini menunjukkan satu peratusan yang tinggi berbanding statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu 24%. Jika dibandingkan dengan kajian penyakit hipertensi di kalangan masyarakat Kampung Rinching Tengah dan Taman Rinching Indah yang mempunyai prevalens hipertensi sebanyak 34% (Laporan Kajian Khusus Mahasiswa Kumpulan 3 1999) dan dari kajian di Kampung Sungai Machang dengan prevalens sebanyak 32% (Laporan Kajian Khusus Mahasiswa Kumpulan 5 2000), didapati bahawa prevalens hipertensi adalah tinggi di kalangan penduduk beberapa kampung di Daerah Hulu Langat. Selain itu, bilangan mereka yang berumur lebih dari 40 tahun adalah tinggi iaitu lebih separuh dari jumlah sampel kajian. Ini mungkin menjadikan prevalens hipertensi di Kampung Batu 5 ini tinggi dari statistik prevalens hipertensi di Malaysia.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, sebanyak 66.1% responden lelaki mempunyai tahap pengetahuan mengenai hipertensi yang tinggi berbanding kaum perempuan (55.3%). Walaubagaimanapun perbezaan ini tidak signifikan dari segi statistik. Menurut Aubert (1998), perempuan mempunyai tahap pengetahuan dan kesedaran yang lebih mengenai hipertensi berbanding lelaki. Kebanyakan penduduk perempuan Kampung Batu 5 adalah terdiri dari golongan suri rumah dan kemungkinan mereka kurang mendapat pendedahan kepada masalah hipertensi.

Terdapat hubungan yang bererti di antara tahap pengetahuan tentang hipertensi dengan mereka yang bekerja. Daripada kajian, didapati 68.5% daripada mereka yang bekerja mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi berbanding 50.0% dari mereka yang tidak bekerja. Ini berkemungkinan mereka yang bekerja mendapat lebih pendedahan kepada maklumat kesihatan di tempat kerja melalui program-program pendidikan kesihatan untuk kakitangan dan dari sumber-sumber maklumat seperti surat khabar, majalah, risalah dan sebagainya yang mudah diperolehi di pasaran.

Hasil kajian juga menunjukkan 71.2% dari mereka yang mendapat pendedahan sumber maklumat yang tinggi, mempunyai tahap pengetahuan tentang hipertensi yang tinggi, manakala 53.0% dari mereka yang mendapat sumber maklumat yang rendah, mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi. Ini menunjukkan sumber maklumat dari media massa, ceramah dan bahan bercetak serta kekerapan mendapatkan maklumat tersebut adalah penting bagi memastikan maklumat yang diperolehi adalah yang tepat dan mencukupi.

Kajian mengenai hubungan antara amalan berkaitan hipertensi yang baik dengan jantina

mendapati golongan lelaki mempunyai amalan yang baik berbanding perempuan. Ini mungkin disebabkan kaum lelaki sebagai ketua keluarga harus menjadi contoh ikutan kepada ahli keluarga lain dalam menghindari penyakit-penyakit yang merbahaya. Mereka juga lebih mudah mendapatkan maklumat mengenai kesihatan dari sumber luar semasa mereka keluar bekerja.

Didapati penduduk yang ingin bersenam mempunyai amalan berkaitan hipertensi yang baik berbanding dengan mereka yang tidak ingin bersenam. Ini kerana amalan berkaitan hipertensi yang baik akan menggalakkan seseorang itu menjalankan aktiviti fizikal yang dapat mengurangkan paras kolesterol dan seterusnya mengurangkan risiko untuk mendapatkan hipertensi. Aubert (1998) turut menyarankan aktiviti fizikal kerana ia dapat menurunkan tekanan darah seseorang individu.

## KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa prevalens hipertensi adalah 35.6% di kalangan penduduk Kampung Batu 5 yang berumur 18 dan ke atas. Beberapa faktor telah dikenalpasti mempunyai hubungan dengan tahap pengetahuan, sikap dan amalan mengenai hipertensi. Antaranya adalah status pekerjaan, sumber maklumat, jantina dan keinginan untuk bersenam. Hasil kajian ini mencadangkan agar pendidikan dan promosi kesihatan lebih kerap dijalankan di tempat kerja agar pengetahuan di kalangan pekerja dapat ditingkatkan dan seterusnya mereka boleh menyampaikan kepada ahli keluarga yang lain. Akhir sekali dengan pengetahuan kesihatan yang meningkat, maka diharap sikap dan amalan yang positif terhadap kesihatan dapat dicapai.

## RUJUKAN

- Anderson, JW. et al. 1986. High fibre, hypocaloric versus very low calorie diet effect on blood pressure of obese men. *American Journal Clinical Nutrition*. **43**: 695.
- Aubert, L. et al. 1998. Knowledge, attitude and practices on hypertension in a country in epidemiological transition. *Hypertension*. **31**: 1136 – 45.
- Joint National Committee on Detection, Evaluation and Treatment of High Blood Pressure. 1993. *Archive Intern Medicine*. **153**: 154 – 183.
- Laporan Kajian Khusus Mahasiswa Kumpulan 3 Sesi 1999/2000. 1999. Kajian Mengenai Tahap Pengetahuan, Sikap Dan Amalan Penyakit Hipertensi Di Kalangan Penduduk Rinching Tengah dan Taman Rinching. Disertasi bagi memenuhi keperluan kepaniteraan posting Jabatan Kesihatan Masyarakat, UKM.

- Laporan Kajian Khusus Mahasiswa Kumpulan 5 Sesi 2000/2001. 2000. Kajian Mengenai Tahap Pengetahuan, Sikap Dan Amalan Penyakit Hipertensi Di Kalangan Penduduk Sungai Machang. Disertasi bagi memenuhi keperluan kepaniteraan posting Jabatan Kesihatan Masyarakat, UKM.
- Lim, TO. et al. 2000. Distribution of blood pressure in a national sample of Malaysian adults. *Medical Journal Malaysia*. **55**: 90 – 107.
- Malaysian Hypertension Consensus Guidelines. 1998. Ministry of Health, Malaysia.
- National Health & Morbidity Survey II. 1996. Institute of Public Health, Ministry of Health, Malaysia 1997.
- Singh, RB. et al. 2000. Hypertension and stroke in Asia: prevalence, control and strategies in developing countries for prevention. *Journal Human Hypertension*. **14**: 749 – 63.
- Teo, GS. et al. 1996. Prevalence of hypertension among Chinese elderly and its relationship to behavioral and nutritional factors. *Medical Journal Malaysia*. **51**: 33 – 40